

10/09/2000

Gerakan akan laksana enam projek

KUALA LUMPUR: Parti Gerakan akan mengumumkan enam projek untuk dilaksanakan parti berkenaan pada Persidangan Perwakilan Nasional 2000 parti itu pada 23 dan 24 September ini.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, jawatankuasa pusat parti sudah bersetuju terhadap pelaksanaan keenam-enam projek itu dan perbincangan mengenainya bermula sejak berakhirnya pilihan raya umum tahun lalu.

Dr Lim bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai jenis dan bentuk projek yang akan dilaksanakan itu dan berkata, pengumuman mengenai projek berkenaan adalah sebahagian daripada agenda persidangan berkenaan yang akan diadakan di Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat bulanan parti Gerakan di ibu pejabat parti itu di sini, semalam.

Dr Lim juga berkata, mesyuarat semalam yang terakhir sebelum persidangan perwakilan turut meluluskan ucapan presiden dan usul yang akan dibawa pada persidangan yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, teladan daripada kejadian yang berlaku di Sauk, perbincangan mengenai perkara sensitif antara kaum, pembangunan wanita serta masalah remaja adalah antara perkara yang akan disampaikan ketika berucap pada persidangan itu nanti.

Mengenai kejadian di Sauk, Dr Lim berkata, apa yang akan ditekankannya ialah supaya semua pihak mengambil pengajaran daripada perkara itu dan mengingatkan mengenai toleransi agama dalam masyarakat berbilang kaum.

Satu perkara lagi ialah sistem keselamatan supaya perkara ini tidak akan berulang, katanya.

Dr Lim berkata, beliau juga akan mencadangkan supaya diadakan dialog antara pemimpin agama di peringkat kebangsaan, negeri serta daerah memandangkan fungsi yang boleh dimainkan oleh golongan ini.

Beliau berkata, berhubung soal sensitif antara kaum, ucapannya nanti akan mencadangkan supaya perkara ini dibahaskan dalam forum tertutup kerana persefahaman antara kaum dan hak istimewa sesuatu kaum adalah perjanjian sosial yang dipersetujui sejak negara mencapai kemerdekaan.

"Jika sesuatu isu mengenai perkara ini perlu diulas, lakukannya pada forum yang betul supaya tidak menimbulkan sensitiviti kaum lain," katanya.

Mengenai isu wanita, beliau berkata, ucapannya akan menyentuh mengenai program pembangunan wanita dan memberi kemudahan kepada golongan ini.

"Walaupun kerajaan Barisan Nasional sudah melakukan pelbagai perkara untuk golongan wanita, namun kami berasa masih banyak perkara lain yang boleh dibuat untuk gerakan pembangunan wanita," katanya.

Dr Lim juga berkata, parti Gerakan memandang serius mengenai gejala sosial yang melanda remaja pada masa ini seperti penyalahgunaan dadah, pengambilan pil Ecstasy, judi, seks bebas dan kekejaman yang turut membabitkan golongan pelajar.

Katanya, perkara ini harus dicari penyelesaian dan untuk itu beliau akan meminta pemuda Gerakan dan Barisan Nasional mengadakan interaksi dengan golongan ini untuk memahami masalah mereka dan mencari jawapan untuk mengatasinya.

(END)